


Kejelasan bayang-bayang objek

- Kejelasan bayang-bayang yang terbentuk mungkin berbeza mengikut sifat objek yang menghalangnya seperti:
 - Lut sinar iaitu sifat objek yang membenarkan semua cahaya melaluinya. Oleh itu, tiada bayang-bayang yang terhasil
 - Lut cahaya iaitu sifat objek yang membenarkan sebahagian cahaya melaluinya. Oleh itu, bayang-bayang yang terhasil tidak jelas.
 - Legap iaitu sifat objek yang tidak membenarkan cahaya melaluinya. Oleh itu, bayang-bayang yang terhasil jelas.

Latihan 4

Jawab soalan berdasarkan rajah.

Rajah di bawah menunjukkan susunan radas untuk menyiasat kejelasan bayang-bayang yang dibentuk oleh tiga objek yang berlainan jenis.



Objek	Pemerhatian
Kertas surih	
Plastik jernih	
Papan lapis	

(a) Nyatakan objek

- (i) Lut sinar: _____
- (i) Lut cahaya: _____
- (i) Legap: _____